



## PRESS RELEASE

The Department of Environment, Parks and Recreation (JASTRe), Ministry of Development would like to inform the public that, beginning 1 September 2026 at 2:00 PM, air quality reporting in Brunei Darussalam will be enhanced by incorporating PM2.5 concentrations into the reporting of the Pollutant Standards Index (PSI).

The World Health Organization (WHO) defines PM2.5 as fine suspended particulate matter with a diameter of less than 2.5 micrometres ( $\mu\text{m}$ ). PM2.5 can penetrate deep into the lungs and enter the bloodstream, causing adverse effects on the cardiovascular and respiratory systems.

The Department will continue to closely monitor air quality across Brunei Darussalam and provide PSI updates five times daily at 7.00 AM, 9.00 AM, 11.00 AM, 2.00 PM and 4.00 PM during the hazy period.

The PSI readings recorded today, (**Tuesday, 1<sup>st</sup> September 2026**) at 4:00 PM, are as follows:

| DISTRICT     | AIR QUALITY    | PSI |
|--------------|----------------|-----|
| Brunei Muara | Very Unhealthy | 215 |
| Belait       | Very Unhealthy | 211 |
| Temburong    | Unhealthy      | 164 |
| Tutong       | Unhealthy      | 168 |

PSI reading below 50 is Good. PSI between 51 and 100 is Moderate. PSI between 101 and 200 is Unhealthy. PSI between 201 and 300 is Very Unhealthy. PSI above 300 is Hazardous.

| Pollutant<br>Standard Index<br>(PSI) | (0-50)     | (51-100)        | (101-200)         | (201-300)                | (>300)          |
|--------------------------------------|------------|-----------------|-------------------|--------------------------|-----------------|
|                                      | Tahap Baik | Tahap Sederhana | Tahap Tidak Sihat | Tahap Sangat Tidak Sihat | Tahap Merbahaya |
|                                      | Good       | Moderate        | Unhealthy         | Very Unhealthy           | Hazardous       |

The Ministry of Health wishes to advise the public that when PSI readings reach very unhealthy level (between 201 and 300), members of the public are advised to avoid prolonged or strenuous outdoor physical activities and reduce unnecessary exposure to haze. Children, older persons and pregnant women are advised to limit outdoor activities, while individuals with existing heart or respiratory conditions are advised to avoid all outdoor activities. Those experiencing persistent or worsening symptoms such as coughing, wheezing, shortness of breath, chest discomfort or difficulty breathing are advised to seek medical attention at the nearest health centre or health facility.

Members of the public are also advised to refer to health advisories issued by the Ministry of Health from time to time for further guidance.

The public is advised to call the Fire and Rescue Department at the **emergency line 995** immediately for any incidences of bush and forest fires. Meanwhile, the public should refrain from conducting any open burning activities and other actions that may worsen the haze conditions during the dry period.

Members of the public may contact the **Darussalam Hotline 123** for any complaints on open burning activities or for any health information and advice. Further information on PSI readings is available at [www.env.gov.bn](http://www.env.gov.bn) and Instagram (@jastre.bn). Health information and advice are available at [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) or MOH official Instagram page.

**1 SEPTEMBER 2026 (4:00pm)**

**Joint Press Release by:**

**Department of Environment, Parks and Recreation, Ministry of Development**

**Ministry of Health**

**Brunei Fire and Rescue Department, Ministry of Home Affairs**



## SIARAN AKHBAR

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa mulai 1 September 2026, jam 2.00 petang, laporan data kualiti udara di Negara Brunei Darussalam akan dipertingkatkan dengan mengambilkira kepekatan zarah halus PM2.5 dalam laporan Pollutant Standard Index (PSI).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan PM2.5 sebagai bahan zarah terampai yang halus dan mempunyai diameter kurang daripada 2.5 mikrometer ( $\mu\text{m}$ ). PM2.5 boleh menembusi jauh ke dalam paru-paru dan memasuki aliran darah, yang menyebabkan kesan buruk kepada sistem kardiovaskular (jantung) dan pernafasan.

Jabatan akan terus memantau kualiti udara di Brunei Darussalam dan memberikan maklumat terkini mengenai PSI sebanyak lima (5) kali sehari pada jam 7.00 pagi, 9.00 pagi, 11.00 pagi, 2.00 petang dan 4.00 petang sepanjang tempoh jerebu.

Bacaan indeks pencemaran PSI hari ini, **(Selasa, 1 September 2026)**, pada jam 4.00 petang hari ini, dicatatkan seperti berikut:

| DAERAH       | KUALITI UDARA      | PSI |
|--------------|--------------------|-----|
| Brunei Muara | SANGAT TIDAK SIHAT | 215 |
| Belait       | SANGAT TIDAK SIHAT | 211 |
| Temburong    | TIDAK SIHAT        | 164 |
| Tutong       | TIDAK SIHAT        | 168 |

Bacaan PSI di bawah 50 adalah Baik. PSI antara 51 dan 100 adalah Sederhana. PSI antara 101 dan 200 adalah Tidak Sihat. PSI antara 201 dan 300 adalah Sangat Tidak Sihat. PSI di atas 300 adalah Merbahaya.

|                                      | (0-50)     | (51-100)           | (101-200)            | (201-300)                   | (>300)             |
|--------------------------------------|------------|--------------------|----------------------|-----------------------------|--------------------|
| Pollutant<br>Standard Index<br>(PSI) | Tahap Baik | Tahap<br>Sederhana | Tahap Tidak<br>Sihat | Tahap Sangat<br>Tidak Sihat | Tahap<br>Merbahaya |
|                                      | Good       | Moderate           | Unhealthy            | Very Unhealthy              | Hazardous          |

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai bahawa apabila bacaan PSI mencapai tahap sangat tidak sihat (antara 201 dan 300), orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghindarkan aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar rumah dan mengurangkan pendedahan yang tidak diperlukan kepada jerebu. Kanak-kanak, wanita mengandung dan warga emas adalah dinasihatkan untuk menghadkan semua aktiviti di luar rumah, manakala orang-orang yang menghidap penyakit jantung atau penyakit paru-paru dinasihatkan untuk menghindarkan semua aktiviti di luar rumah. Kepada mereka yang mengalami gejala yang berterusan atau semakin teruk seperti batuk, sesak nafas, sakit dada atau kesukaran bernafas adalah dinasihatkan untuk segera mendapatkan rawatan perubatan di klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan yang berdekatan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk merujuk kepada nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan panduan yang lebih lanjut.

Orang ramai dinasihatkan untuk segera menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat di **talian kecemasan 995** sekiranya berlaku sebarang kejadian kebakaran hutan atau rumput. Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka atau apa-apa aktiviti lain yang boleh memburukkan keadaan, terutamanya semasa musim kering.

Orang ramai boleh menghubungi **Hotline Darussalam 123** bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan. Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperolehi dengan melayari laman web [www.env.gov.bn](http://www.env.gov.bn) dan Instagram (@jastre.bn) manakala maklumat dan nasihat kesihatan juga boleh diperolehi dengan melayari laman web [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau Instagram rasmi Kementerian Kesihatan.

**1 SEPTEMBER 2026 (4:00 PM)**

**Siaran Akhbar Bersama Daripada:**

**Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan  
Kementerian Kesihatan**

**Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**